



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH  
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

---

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2012  
PERCUBAAN PENILAIAN MENENGAH RENDAH**

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**Satu Jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**Arahan:**

- 1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
- 2. Jawab **semua** soalan.*
- 3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

---

Kertas ini mengandungi 13 halaman bercetak

**Soalan 1-7**

Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

**Soalan 1** berdasarkan gambar di bawah.



- 1 Abang terpaksa \_\_\_\_\_ basikal kerana tayar basikalnya bocor.
  - A menonton
  - B menolak
  - C menuntun
  - D mengheret
  
- 2 Ibu bapa hendaklah sentiasa mengambil berat \_\_\_\_\_ anak-anak mereka baik dari segi tingkah laku mahupun pergaulan.
  - A tentang
  - B kepada
  - C terhadap
  - D pada
  
- 3 Ubi yang direbus oleh Najwa masih belum \_\_\_\_\_ kerana apinya terlalu perlahan.
  - A rangup
  - B empuk
  - C rapuh
  - D lembik

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



- 4 Habis pakaiannya \_\_\_\_\_ akibat digigit oleh anjing yang garang itu.
- A compang – camping
  - B comot-momot
  - C koyak-rabak
  - D serbah-serbih
- 5 Ibnu Sina merupakan \_\_\_\_\_ Islam yang banyak menyumbangkan idea dalam bidang perubatan.
- A ilmuwan
  - B karyawan
  - C budayawan
  - D hartawan
- 6 Kerana sering kali \_\_\_\_\_ dirinya sebagai anak orang berada, dia kini dipulaukan oleh beberapa orang rakan sekelasnya.
- A membesar
  - B memperbesarkan
  - C memperbesar
  - D membesar-besarkan
- 7 Penglihatan Pak Abu semakin \_\_\_\_\_ sejak dia disahkan mengidap diabetes setahun yang lalu.
- A berkunang-kunang
  - B bersuram-suram
  - C berbalam-balam
  - D berkabur-kabur

**Soalan 8-14**

Ayat-ayat yang berikut  **mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.**

8 Pertandingan akhir bola sepak di antara sekolah akan bermula dari pukul 8.00 pagi  
A B  
hingga pukul 3.00 petang ini. Tiada kesalahan.  
C D

9 Salah satu daripada tanggungjawab guru ialah untuk memastikan bahawa para pelajar  
A B C  
menjadi orang yang berguna. Tiada kesalahan.  
D

10 Sambil membebel Puan Zaharah menunjukkan cara-cara mengukus puding karamel  
A B C  
kepada para penonton Rancangan Saji. Tiada kesalahan.  
D

11 Cikgu Suhaimi membawa tiga batang joran, dua butir mata kail dan beberapa ekor katak  
A B C  
untuk dijadikan umpan semasa pertandingan memancing nanti. Tiada kesalahan.  
D

12 “Oh, rupa-rupanya Faiz yang menyembunyikan kasut saya semalam!” kata Wafiq.  
A B C  
Tiada kesalahan.  
D

13 Tariannya yang lemah longlai itu telah mendapat tepukan gemuruh daripada para  
A B  
penonton yang begitu minat akan tarian tradisional. Tiada kesalahan.  
C D

14 Oleh kerana Hakimi sering tidak membuat kerja sekolah, dia dibawa berjumpa dengan  
A B C  
guru disiplin. Tiada kesalahan.  
D

**Soalan 15 hingga 17**

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betul.

- 15 I Dia *menjelaskan* bil elektrik yang sudah tertangguh selama tiga bulan.  
II Najah cuba *menjelaskan* kedudukan yang sebenar kepada Hasliza agar tiada lagi persengketaan antara mereka.  
III Perbuatannya yang suka mengampu majikannya amat *menjelaskan* .  
IV Azri cuba *menjelaskan* suasana yang keruh itu kepada rakan-rakan kelasnya.  
A I dan II  
B III dan IV  
C I, II dan III  
D II, III dan IV
- 16 I Tanah di kawasan itu *lembut* dan tidak sesuai untuk bercucuk tanam.  
II Gadis yang berwajah *lembut* itu sudah lama memikat hati Aaron Azli.  
III Baju yang dipakai oleh Puan Fatimah sungguh *lembut* bak sutera.  
IV Gadis itu bukan sahaja cantik malahan tutur katanya juga sungguh *lembut* dan sopan.  
A I dan II  
B III dan IV  
C I, II dan III  
D II, III dan IV
- 17 I Tugu Peringatan Negara menjadi lambang *berkorban* perajurit kita yang terdahulu.  
II Kerajaan merayu kepada rakyat agar mereka sanggup *berkorban* bagi mengatasi masalah kegawatan ekonomi negara.  
III Guru itu telah banyak *berkorban* masa dan tenaga untuk mendidik anak muridnya.  
IV Orang yang sanggup *berkorban* prinsip hidupnya selalunya akan menemui kebahagiaan.  
A I dan II  
B III dan IV  
C I, II dan III  
D II, III dan IV

**Soalan 18 hingga 21**

*Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa dan mungkin juga tidak.*

*Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.*

18. Datuk Nicol Ann David telah menjadi pemain skuasy yang handal sejak dari bangku sekolah lagi.
- A sejak di bangku sekolah lagi
  - B sejak bangku sekolah lagi
  - C sejak daripada bangku sekolah lagi
  - D sejak dari bangku sekolah lagi
19. Ayah membeli ibu seutas rantai yang teramat cantik sekali sempena ulang tahun perkahwinan mereka.
- A membeli ibu seutas rantai yang amat cantik sekali
  - B membelikan ibu seutas rantai yang teramat cantik sekali
  - C membelikan ibu seutas rantai yang amat cantik sekali
  - D membeli ibu seutas rantai yang teramat cantik sekali
20. Adik akhirnya bersetuju untuk ke Annur Klinik setelah lima setengah jam menahan sakit gigi.
- A Annur Klinik setelah lima jam setengah
  - B Klinik Annur setelah lima setengah jam
  - C Klinik Annur setelah lima jam setengah
  - D Annur Klinik setelah lima setengah jam
21. Kekalahan Rumah Hang Lekir dalam temasya sukan sekolah tahun ini memaksa mereka membuat perancangan yang lebih rapi sebagai persediaan untuk tahun depan.
- A merancang lebih rapi
  - B merancang dengan lebih rapi
  - C membuat lebih rapi perancangan
  - D membuat perancangan yang lebih rapi

**Soalan 22 hingga 24**

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir** dengan ayat yang dicetak tebal.

22. **Perkemahan di Hutan Belum selama tiga hari itu telah membentuk ikatan persaudaraan yang kuat antara murid Kelas 3 Asuh yang selama ini sering bertengkar.**
- A Murid Kelas 3 Asuh sering bergaduh ketika perkhemahan di Hutan Belum selama tiga hari.
  - B Murid Kelas 3 Asuh telah membentuk hubungan yang erat sewaktu mereka berkhemah selama tiga hari di Hutan Belum.
  - C Ikatan persaudaraan yang utuh telah dibentuk antara pelajar Kelas 3 Asuh yang selalu bergaduh ketika perkhemahan di Hutan Belum selama tiga hari.
  - D Hubungan yang erat antara murid Kelas 3 Asuh yang telah sering bergaduh telah dibentuk ketika perkhemahan mereka selama tiga hari di Hutan Belum.
23. **“Marilah semua rakyat Malaysia mendoakan kejayaan para atlet kita yang akan berjuang dalam Sukan Olimpik di London nanti,” seru Menteri Belia dan Sukan Malaysia.**
- A Menteri Belia dan Sukan Malaysia mengajak semua rakyat Malaysia berjuang bersama-sama para atlet dalam Sukan Olimpik nanti.
  - B Rakyat Malaysia diminta oleh Menteri Belia dan Sukan Malaysia supaya berdoa untuk kejayaan semua atlet dalam Sukan Olimpik di London nanti.
  - C Para atlet Malaysia di London diseru oleh Menteri Belia dan Sukan supaya berdoa untuk kejayaan dalam Sukan Olimpik di London nanti.
  - D Menteri Belia dan Sukan Malaysia menyeru warganegara Malaysia berdoa agar semua atlet Malaysia berjaya dalam Sukan Olimpik di London nanti.
24. **Penggubalan Dasar MBMMBI diharapkan dapat mengekalkan kedaulatan bahasa Melayu di negara kita tanpa meminggirkan bahasa Inggeris.**
- A Dasar MBMMBI dibentuk dengan harapan martabat bahasa Melayu dikekalkan tanpa mengabaikan bahasa Inggeris di negara kita.
  - B Bahasa Inggeris akan dikekalkan tanpa meminggirkan kedaulatan bahasa Melayu melalui penggubalan dasar MBMMBI di negara kita.
  - C Dasar MBMMBI digubal bagi mengekalkan kedaulatan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di negara kita.
  - D Dasar MBMMBI digubal agar kedudukan bahasa Melayu dikekalkan tanpa mengabaikan bahasa Inggeris di negara kita.

**Soalan 25-27**

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

25. I Ibu membuat air kopi sambil menggoreng nasi untuk sarapan pada pagi itu.  
II Zikri bukan sombong malah belum memiliki kawan kerana baru berpindah ke sekolah itu.  
III Fauzana belum membuat keputusan untuk tinggal di asrama atau di rumah nenek.  
IV Dila akur kegagalannya dalam peperiksaan itu oleh kecuaiannya ketika menjawab soalan.  
A I dan II  
B III dan IV  
C I, II dan III  
D II, III dan IV
26. I “Ketangkasan pemain itu tidak terlawan oleh saya,” kata Amir kepada pengurus badmintonnya.  
II “Kamu perlu contohi usaha pelajar cemerlang itu untuk meraih kejayaan,” nasihat Cikgu Julia kepada Linda.  
III “Kami mendoakan awak berjaya dalam pertandingan pidato itu,” kata Adif dan Zul kepada Iman.  
IV “Kami berhasrat mengahwini Suriati dengan kamu sebelum ayah dan ibu ke Mekah,” ujar ayah kepada Hafizuddin.  
A I dan II  
B III dan IV  
C I, II dan III  
D II, III dan IV
27. I Pusat beli-belah itu sungguh hingar-bingar dengan suara para pengunjung.  
II Menjadi pelajar terbaik sekolah merupakan hasrat hati Faizatun setelah sekian lama.  
III Usaha untuk mencapai kejayaan dalam PMR akan dilakukan oleh Aizat sebaik-baik mungkin.  
IV Hajatnya yang setinggi gunung itu diluahkan abang kepada ayah pada malam itu.  
A I dan II  
B III dan IV  
C I, II dan III  
D II, III dan IV



**Soalan 28-30**

*Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.*

28.

Buat kerja biarlah sampai selesai
-----------------------------------

Manakah antara peribahasa berikut yang bertepatan dengan maksud di atas?

- A Alang berjawab, tepuk berbalas
  - B Alang-alang berminyak biarlah licin
  - C Biar berputih tulang jangan berputih mata
  - D Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya
29. Haikal yang selama ini hidup dalam serba kekurangan tiba-tiba menjadi orang yang dihormati di kampung itu setelah berkahwin dengan anak penghulu.  
Situasi di atas sesuai dengan peribahasa
- A cacing hendak menjadi naga
  - B kaduk naik junjung
  - C kera mendapat bunga
  - D anak kucing menjadi harimau
30. Peribahasa *bagai ada nasi di balik kerak* bermaksud
- A mempunyai maksud yang tersembunyi
  - B memiliki kelembutan di sebalik ketegasan
  - C menyembunyikan sesuatu daripada orang lain
  - D masih ada perkara yang belum selesai

**Soalan 31 -35**

*Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Kemangkatan Tuanku Si Helang Laut dan permaisuri baginda di negeri Bandar Mengkalih tidak diketahui oleh kakandanya Uli Emak Si Anjing hingga pada suatu malam Datuk Batin Alam telah mendapat alamat.

“Ya adinda, pada malam tadi kakanda telah mendapat alamat kesusahan, entah betapalah halnya saudara kita di negeri Bandar Mengkalih. Pada fikiran kakanda sekaranglah baik kita pergi.”

“Baiklah kakanda, adinda pun telah rindu kepada mereka,” jawab Uli Emak Si Anjing.

Mereka segera ke istana Bandar Mengkalih untuk memastikan benar tidak mimpinya itu. Setibanya di istana itu Datuk Batin Alam dan isterinya merasa sangat hairan, suasana istana terlalu lengang, sunyi sepi tiada berorang.

“Hai, apakah gerangan yang telah berlaku? Anakandanya ada, kedua ibu bapanya tiada! Kalaupun bidan salah mengeluarkan uri tembuninya sekalipun tentulah isterinya saja yang mati, mustahil suaminya ikut mati!”

Setelah mengambil keputusan, anak saudaranya Awang Suluh Merah Muda pun diambilnya lalu dibawa pulang ke tempatnya. Awang Sulung telah menjadi anak susu kepada Uli Emak Si Anjing dan menjadi saudara susu pula kepada puterinya, Tuan Puteri Dayang Nuramah. Kini Datuk Batin Alamlah menjadi bapa angkat kepada Awang Sulung.

Datuk Batin Alam dan isterinya sangat kasih kepada kedua-dua orang anaknya itu, kerana mereka menganggap kedua-duanya sebagai anak sendiri.

Pada suatu hari kata Datuk Batin Alam, “Wahai adinda, putera kita sudah besar, baiklah kita serahkan mereka belajar mengaji Quran dan merawi.”

“Baiklah.”

(Dipetik daripada prosa tradisional *Budi Seorang Bapa Angkat*  
antologi Kasut Kelopak Jantung, Tingkatan 1,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- 31 Hubungan antara Uli Emak Si Anjing dengan Awang Sulung Merah Muda ialah
- A kekanda.
  - B bonda saudara.
  - C nenda saudara.
  - D adinda.
- 32 Bagaimanakah kemangkatan ayahanda dan bonda Awang Sulung diketahui oleh Datuk Batin Alam?
- A Melalui mimpi.
  - B Melalui surat setelah mendapat alamat.
  - C Melalui orang suruhan.
  - D Melalui bidan.
- 33 Berdasarkan petikan, pilih perwatakan yang benar tentang Datuk Batin Alam?
- A Datuk Batin Alam seorang yang cinta akan ilmu.
  - B Datuk Batin Alam ialah adinda permaisuri.
  - C Datuk Batin Alam seorang yang adil.
  - D Datuk Batin Alam seorang yang berani.
- 34 Nilai yang terdapat dalam petikan cerita ini ialah
- A kebijaksanaan.
  - B kasih sayang.
  - C cinta akan ilmu.
  - D kesabaran.
- 35 Pilih plot yang betul berdasarkan cerita Budi Seorang Bapa Angkat.
- A Awang Sulung mengaji Quran di rumah Tuan Kadi Alim → belajar mantik dan nahu bahasa Arab di rumah Tuan Malim Kecil → berguru dengan Datuk Batin Alam → ikhatankan oleh Datuk Mudim Raja → diasah gigi oleh Cuti.
  - B Awang Sulung belajar mantik dan nahu bahasa Arab di rumah Tuan Malim Kecil → belajar mengaji Quran di rumah Tuan Kadi Alim → berguru dengan Datuk Batin Alam → dikhatankan oleh Datuk Mudim Raja → diasah gigi oleh Cuti.
  - C Awang Sulung mengaji Quran dengan Tuan Malim Kecil → belajar mantik dan nahu bahasa Arab di rumah Tuan Kadi Alim → berguru dengan Datuk Batin Alam → dikhatankan oleh Datuk Mudim Raja → diasah gigi oleh Cuti.
  - D Awang Sulung belajar mantik dan nahu bahasa Arab di rumah Datuk Batin Alam → mengaji Quran di rumah Tuan Kadi Alim → berguru dengan Tuan Malim Kecil → diasah gigi oleh Cuti → dikhatankan oleh Datuk Mudim Raja.

**Soalan 36 – 40**

*Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

**WARKAH KEPADA GENERASI**

Generasiku tercinta  
kalian adalah kelompok bertuah  
yang sempat berteduh di langit alaf baru  
dengan keberanian sebagai bangsa bermaruh  
di tanah merdeka milik abadi kita.

Generasiku yang bijak bestari  
ini bumi suci perjuangan nenek moyang  
yang bersumpah setia memartabatkan bangsa  
mendaulatkan tanah air, mencipta kebebasan  
membina istana merdeka yang kalian diami.

Penutup warkah ini  
ingin kuingatkan: jangan biarkan akar sejarah  
tercabut dari bumi bertuah ini.

**AMIRUDDIN MD. ALI HANAFIAH**

( Dipetik daripada antologi *Gema Sepi Gadis Genius*,  
Tingkatan 2, Dewan Bahasa dan Pustaka )

- 36 Persoalan yang ingin disampaikan oleh penyajak dalam rangkap pertama sajak di atas ialah
- A generasi kini bertuah kerana keberanian nenek moyang kita berjuang.
  - B generasi kini bertuah kerana hidup di negara yang merdeka pada alaf baru.
  - C generasi kini bertuah kerana mereka dicintai oleh generasi dahulu.
  - D generasi kini bertuah kerana perlu berjuang untuk merdeka.
- 37 Berdasarkan rangkap ketiga sajak ini, peranan generasi kini ialah
- A berani menghadapi cabaran.
  - B memelihara alam sekitar.
  - C tidak melupakan sejarah.
  - D cinta akan tanah air.

istana merdeka

- 38 Frasa di atas merupakan gaya bahasa
- A simile.
  - B metafora.
  - C personifikasi.
  - D hiperbola.
- 39 Sajak Warkah kepada Generasi bernada
- A melankolik.
  - B protes.
  - C patriotik.
  - D romantis.
- 40 Nilai yang berikut terdapat dalam sajak di atas **kecuali**
- A keberanian.
  - B kesyukuran.
  - C pengorbanan.
  - D kerajinan.

**KERTAS SOALAN TAMAT**